



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YANG BERBAHAGIA
ENCIK AMIR HEBERD BIN ABDULLAH
PENOLONG REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

SEMPENA
MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI & KUALITI
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG 2023
DI
DEWAN BESAR, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH

PADA
1 DISEMBER 2023 / 17 JAMADILAWAL 1445H
(JUMAAT)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَخْمَعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

1. Yang Berbahagia Profesor Ir. Ahmad Rashidy Bin Razali
Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang
2. Yang Berusaha Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Siti Noraini Binti Sulaiman,
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik.
3. Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Basharudin Bin Abdul Hadi,
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
4. Yang Berusaha Prof.Madya Ts. Dr. Kay Dora Binti Abd Ghani,
Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan
Alumni
5. Yang Berusaha Dr. Zuhaida Binti Mohd Zuki,
Ketua Unit Kualiti,
6. Yang Berusaha Encik Amir Heberd Bin Abdullah,
Penolong Rektor Kampus Bertam
7. Yang Berusaha wakil THB Maintenance Sdn.Bhd
8. Yang Berusaha wakil Garden Village Sdn. Bhd
9. Yang Berusaha Ahli Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Pulau
Pinang
10. Yang Berusaha Ketua Pusat Pengajian, Ketua Program,
Koordinator dan Ketua Jabatan

11. Barisan Jawatankuasa Penganjur Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2023
12. Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum W.R.T

Salam Malaysia Madani

Salam UiTM Dihatiku

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَّعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ
كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَّعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2023 pada pagi ini.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berusaha Encik Amir Heberd Bin Abdullah, Penolong Rektor Kampus Bertam bersama Pengarah Program yang mengetuai penganjuran Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2023.

3. Saya amat berbesar hati untuk menerima kehadiran Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor ke UiTM Cawangan Pulau Pinang bagi menyempurnakan majlis pada hari ini bagi meraikan seramai **280 orang penerima anugerah**. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah di atas prestasi cemerlang yang ditunjukkan sepanjang tahun 2022. Semoga prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh Yang Berusaha Prof. Maday/Dr/Tuan/Puan menjadi contoh kepada warga UiTMCPP yang lain, dan memberi pengaruh impak yang positif kearah kecemerlangan UiTMCPP secara keseluruhan.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Bersesuaian dengan tema Hari Inovasi & Kualiti UiTM 2023 iaitu “Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti”, selain pencapaian cemerlang dalam perkhidmatan, warga UiTMCPP telah membuktikan kesungguhan dan iltizam yang tinggi sehingga berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu pada 2 September yang lalu. Alhamdulillah kesemua pendaki berjaya pulang dengan selamat. Berkat kerjasama, usaha serta kecekalan yang tinggi, mana mungkin kita akan peroleh hasil yang terbaik. Saya doakan agar warga UiTM Cawangan Pulau Pinang dapat meneruskan kegigihan dan khidmat bakti selama berkhidmat di sini.
5. Akhir kalam saya percaya semua penerima anugerah dihadapan saya akan sentiasa meningkatkan kemahiran diri bagi menjulang kesarjanaan akademik serta kualiti kehendak pelanggan di dalam univeraiti tercinta.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

6. Mengakhiri ucapan saya pada kali ini, saya bacakan serangkap pantun:

Kalau mencari buah asam,
Biar lebih jangan kurang;
Kuatkan semangat tekadkan azam.
Insyallah kejayaan dengan cemerlang.

7. Tahniah sekali lagi buat semua penerima anugerah pada hari ini. Dengan itu, akhir kata, sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.